

# Mahathir<sup>K</sup> ajak rakyat jauhi 'ekstremis'

UM 28 MAR 1981

KUALA LUMPUR

27 Mac — Da-

tuk Sri Dr. Maha-

thir Mohamad hari

ini mengajak semua

lapisan di negara ini

menjauhi perkara-

perkara berbentuk

'ekstremis' atau per-

ngajaran dan per-

buatan yang salah di

sisi agama, adat resam

dan kebudayaan

dalam usaha menjaya-

kan Rancangan Ma-

aysia Keempat.

Sambil menekankan

bahawa matlamat RME

ialah untuk kemajuan

dan perpaduan negara

yang akan diusahakan

oleh semua rakyat

Malaysia, Timbalan Per-

dana Menteri berkata

yang lebih penting ialah

perasaan di dalam hati

seseorang yang mahukan

negara ini bersatu dan

progresif.

"Masa untuk kita

bekerja dengan lebih gi-

gih ke arah mencipta

dan membangun identiti

dan kebudayaan Malay-

sia yang sebenarnya ti-

dak selalunya ada. RME

melalui peruntukan

dalam bidang pelajaran,

pesosial, perumahan, su-

laburan dan pengeluaran

lain-lain adalah untuk

memupuk dan meng-

kalkan usaha-usaha

perpaduan," tambah

nya.

Datuk Sri Dr. Maha-

thir berucap semasa

menyokong usul Ran-

cangan Malaysia Keem-  
pat yang dibentangkan  
oleh Perdana Menteri,  
Datuk Hussein Onn di  
Dewan Rakyat petang  
ini.

Beliau menerangkan  
jumlah pelaburan dan  
perbelanjaan bagi men-  
jayakan RME ialah  
\$102.6 ribu juta dengan  
\$28.5 ribu juta darinya  
oleh sektor awam.

Tegasnya, RME ialah  
yang terbesar pernah di-  
buat dari segi pelaburan  
dan perbelanjaan  
dengan matlamat utama  
mengadakan dorongan  
yang lebih kuat lagi  
untuk pelaksanaan DEB  
dalam dekad kedua ser-  
ta memandangkan

keadaan ekonomi an-  
tarabangsa yang masih  
dalam keadaan merosot.

Beliau menarik per-  
hatian bahawa strategi  
pembangunan dalam  
RME ialah untuk mem-  
perkuatkan lagi  
keadaan ekonomi dalam  
negeri yang masih mem-  
punyai punca-punca  
dan peluang-peluang pe-  
laburan dan pengeluaran  
yang baik.

Dalam melaksanakan  
matlamat-matlamat  
ini adalah perlu  
meningkatkan keupa-

nyan pertahanan dan ke-  
selamatan dalam negeri  
untuk menghadapi seba-

rang kemungkinan me-  
mandangkan keadaan  
politik yang tidak tentu  
di negara-negara lain,  
terutama ancaman per-  
cerobohan dan subversif  
oleh negara-negara  
jiran, katanya.

Bagi mempertahankan  
kekemerdekaan dan  
keselamatan, Datuk Sri  
Dr. Mahathir berkata  
di bawah RME perun-  
tukan sebanyak  
\$9,371.5 juta atau 23.8  
peratus dari seluruh pe-  
runtukan RME disedia-  
kan untuk keselamatan  
dan pertahanan.

Timbalan Perdana  
Menteri mengingatkan  
bahawa dalam melaksa-  
nakan RME serta  
memperteguhkan  
keadaan ekonomi, tidak  
lah boleh dianggap  
usaha-usaha membina  
negara dan mencapai  
perpaduan masyarakat  
berbilang kaum adalah  
suatu tugas senang yang  
hanya dipertanggung-  
jawabkan kepada ahli  
politik atau para pemim-  
pin politik saja.

Olehnya ditegaskan  
bahawa perpaduan tidak  
boleh dicapai dalam  
tempoh masa yang sing-  
kat. "Kita tidak mempun-  
yai tongkat sakti atau  
lampu ajaib kepada du-  
nia baru yang penuh ca-  
baran," tambahnya.

"Kemajuan ke arah  
perpaduan negara hanya

akan dicapai melalui  
usaha-usaha yang ikhlas  
dan sungguh-sungguh  
oleh tiap lapisan rakyat  
dalam masyarakat, iaitu  
dalam peranan dan si-  
kap kita sebagai pemim-  
pin keluarga, kakitangan  
kerajaan dan pengurus-  
pengurus syarikat, ang-  
katan tentera, pemimpin  
masyarakat dan pekerja  
sosial, belia, ahli politik  
dan lain-lain," katanya.

Datuk Sri Dr. Maha-  
thir menerangkan ba-  
hawa kerajaan akan te-  
rus mempergiatkan  
program-program mem-  
basmi kemiskinan dalam  
tempoh RME di sam-  
ping menyusun semula  
masyarakat yang menj-  
jadi matlamat Dasar  
Ekonomi Baru.

Menurutnya,  
sungguhpun banyak ke-  
jayaan dicapai dalam  
usaha membasmi  
kemiskinan, usaha-usa-  
ha akan ditumpukan  
kepada memperbaiki  
keadaan hidup rakyat  
yang masih lagi dalam  
peringkat miskin di  
kalangan pekebun kecil,  
kumpulan nelayan per-  
airan negeri-negeri Pan-  
tai Timur dan Sarawak  
serta Sabah.

Tegasnya: "Masalah  
dan program membasmi  
kemiskinan yang tidak  
mengira kaum akan  
ditumpukan."

Kerajaan juga menye-  
diakan peruntukan

\$9,319 juta untuk mem-  
bolehkan penggunaan  
tenaga yang penuh dan  
pendapatan yang lebih  
baik serta rancangan pe-  
rumahan bagi kumpu-  
lan-kumpulan berpen-  
apatan rendah.

Usaha-usaha meny-  
sun semula masyarakat  
akan dipesatkan dengan  
peruntukan sebanyak  
\$4,398 juta di samping  
memerlukan juga usaha-  
usaha dari pihak swasta.

Timbalan Perdana  
Menteri juga menghu-  
raikan tentang usaha-  
usaha meningkatkan  
pembangunan di negeri-  
negeri kurang maju se-  
perti Kelantan, Treng-  
ganu, Perlis, Kedah, Sa-  
bah dan Sarawak.

Dalam hubungan ini,  
beliau menyebut  
penempatan pangkalan  
bekalan minyak di Chu-  
kai, Kemaman dan ki-  
lang penapis di Kerteh,  
kedua-duanya di Treng-  
ganu.

Menyorot kembali  
kepada kejayaan yang  
dicapai 10 tahun lalu,  
Timbalan Perdana Men-  
teri berkata dengan ban-  
tuan dan dasar-dasar  
keuangan dan fizikal,  
Malaysia telah dapat  
membendung keadaan  
inflasi pada kadar ku-  
rang dari 10 peratus.

"Kedudukan ekonomi  
dan kewangan kita terus  
kukuh dan keadaan ini

pernah dialu-alukan oleh agensi-agensi antarabangsa seperti Tabung Kewangan Antarabangsa atau IMF dan Bank Dunia. Pendapat ini adalah juga diakui oleh bank-bank saudagar dan pengulas-pengulas politik dan ekonomi luar negeri," katanya.

Antara kemajuan-kemajuan yang dicapai dalam tempoh itu ialah:

- Lebih kurang 866,000 hektar kawasan baru dimajukan lebih kurang 67,000 keluarga telah ditempatkan dalam rancangan-rancangan tanah.

- Kira-kira 373,000 hektar kawasan mendapat kemudahan peng-

airan untuk membolehkan penanaman padi sekali dan dua kali setahun.

- Kira-kira 22,670 kilometer jalan di Semenanjung, 4,020 kilometer di Sabah dan 2,720 kilometer di Sarawak telah dibina atau dibaiki.

- Lebih kurang 790,000 keluarga luar bandar di Semenanjung mendapat faedah bekalan elektrik dalam tahun 1980.

- Sejumlah 744,000 unit rumah telah dibina sebahagian besarnya untuk mereka berpendapatan rendah.